

LBS MERAH ANUGERAH 2 KALI DALAM ASIA PACIFIC PROPERTY AWARDS 2014

Dates: 15 May, 2014



Untuk Siaran Serta-Merta

LBS MERAH ANUGERAH 2 KALI DALAM ASIA PACIFIC PROPERTY AWARDS 2014

D' Island Residence Memenangi 3 Anugerah

Petaling Jaya, 15 May 2014 – Tahun 2014 merupakan tahun yang berhasil bagi pemaju hartanah, LBS Bina Group Berhad (LBS) kerana meraih dua anugerah dalam anugerah hartanah yang berprestij dalam rantau Asia, *Asia Pacific Property Awards (APPA) 2014*. Anugerah ini mengiktiraf pencapaian para pemaju hartanah serta pihak yang beroperasi dalam sektor hartanah.

LBS berjaya meraih 3 anugerah iaitu Pembangunan Kediaman Terbaik Asia Pasifik (*Best Residential Development Asia Pacific*), 5 bintang bagi Pembangunan Kediaman Terbaik (*Best Residential Development*), Malaysia yang dimenangi oleh *SKYVILLA* serta Rekaan Dalaman Unit Pamer (*Highly Commended Interior Design Show Home*), Malaysia yang dimenangi oleh *Nautilus*. Kedua-dua hartanah ini terletak dalam perbandaran *D' Island Residence*.



Kedua-dua pengiktirafan jatuh kepada pembangunan mewah perdana LBS, *D' Island Residence* yang terletak di Puchong. LBS menceburi segmen hartanah mewah sejak tahun 2011 bagi mempelbagaikan penawaran. Pengiktirafan daripada para juri APPA terhadap konsep dan keunikan seni bina *D' Island Residence* menunjukkan usaha LBS tidak tersia-sia.

Pengarah Urusan LBS, Dato' Sri Lim Hock San said "Kami amat bangga atas kemenangan kali kedua ini dalam anugerah APPA. Ini bermakna LBS berada dalam arah yang betul dan semakin dekat dengan visi yang ingin menjadi pemaju hartanah yang beriktiraf di peringkat antarabangsa. Setiap kediaman yang LBS bina merangkumi misi yang ingin kita sampaikan kepada para pembeli iaitu penciptaan ruangan hidup yang memperkayakan komuniti. Kita berkongsi anugerah ini dengan pasukan LBS, pemegang saham serta para pembeli yang menyokong kita selama ini."



Rekaan Dalam Unit Pamer (*Highly Commended Interior Design Show Home*), Malaysia

D' Island Residence merupakan projek pembangunan mewah perdana bagi LBS sejak ia menjalankan aktiviti penjenamaan pada tahun 2011. Penceburi segmen kediaman mewah merupakan langkah yang bijak untuk LBS mengembangkan portfolionya.

SKYVILLA di *D' Island Residence* merupakan 26 tingkat kediaman mewah kondominium yang berkonsepkan *French Riviera*. *SKYVILLA* menggabungkan tema nautika dalam penggunaan warna serta jalinan tekstur menjadikan pembangunan ini pemenang dalam APPA. Di samping itu, *Nautilus* yang merupakan superlink 3 tingkat berkonsepkan *Scandinavian* dengan reka bentuk yang ringkas agar keanggunan kediaman tersebut dapat ditonjolkan.

Para juri APPA terdiri daripada golongan profesional dan terkenal yang berasal dari bidang hartanah. Projek penyertaan bagi anugerah ini dinilai dengan tegas dan antara kriteria-kriteria penilaian termasuk lokasi pembangunan, konsep dan penyelesaian, keselamatan, kelestarian, inovasi dan juga aspek pemasaran.

Anugerah Hartanah Asia Pasifik ditubuhkan pada tahun 2008 dan ia merupakan anugerah hartanah yang dimiliki oleh *International Property Awards* yang merangkumi rantau lain termasuk di rantau Afrika, Amerika, United Kingdom, Eropah dan lain-lain. Kini, ia diiktiraf sebagai anugerah yang paling berprestij bagi kategori perumahan dan komersial.



(kedua dari kiri) Pengarah Eksekutif LBS, Cynthia Lim menerima 3 anugerah daripada (ketiga dari kiri) Pengerusi para juri bagi kategori Seni Bina dan Rekaan Dalaman, Lord Courtown; diiringi oleh Pengerusi International Property Awards, Stuart Shield serta wakil dari penaja majlis anugerah tersebut.

Tahun ini, APPA menerima penyertaan dari 29 buah negara yang bertanding dalam kategori Rekaan Dalaman Dan Pembangunan (*Interior Design and Development*). APPA mempunyai sebanyak 43 kategori yang termasuk 7 kategori agensi estet, 18 pembangunan, 8 reka bentuk dalaman dan 10 seni bina. Peserta tahun ini terdiri daripada mereka yang datang dari Malaysia, China, Singapura, Jepun, Australia, New Zealand dan lain-lain lagi.

Di samping itu, LBS juga memenangi bagi kategori Pemasaran Projek (*Best Commended Development Marketing for Malaysia*), 5 bintang dalam kategori Rekaan Dalaman Unit Pamer (*Interior Design Show Home for Malaysia*) bagi *Balvia* di *D' Island Residence* serta anugerah *Best Commended* kategori Pembangunan Berbilang Unit (*Development Multiple Units for Malaysia*) bagi *Apicalia* pada tahun sebelum ini.